KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	21.07.22	MUKA SURAT	:	3
JABATAN	:	PERHILITAN			

BH Khamis, 21 Julai 2022



Seekor gajah liar berjaya ditangkap di Kampung Seri Ketengga, Siong, Baling. (Foto ihsan PERHILITAN)

Tiga jam operasi pindah gajah liar

PERHILITAN guna dua ekor denak jinakkan Awang Ketengga

Oleh Safuri Kamarudin
bhnews@bh.com.my

Baling: Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Kedah mengambil masa tiga jam memindahkan seekor gajah liar di Kampung Seri Ketengga, Siong, dekat sini, kelmarin.

Pengarahnya, Jamalun Nasir Ibrahim, berkata, pihaknya menggunakan dua ekor gajah denak yang di beri nama 'Rambai' dan 'Saman' yang dibawa dari Kuala Gandah, Pahang untuk memindahkan gajah liar yang dikenali sebagai 'Awang Ketengga' yang dilaporkan berkeliaran di kebun penduduk sejak dua minggu lalu.

"Kehadiran Awang Ketengga berhampiran kampung dan kebun penduduk menyebabkan penduduk takut untuk keluar mencari rezeki.

"Anggota PERHILITAN serta Unit Tangkapan Gajah (UTG) menjalankan operasi mengesan dan menangkap gajah liar berusia lingkungan 10 hingga 12 tahun itu dan berjaya ditangkap Sabtu lalu dalam keadaan sihat dan dipercayai tersesat daripada kumpulan gajah lain," katanya.

Menurutnya, gajah saiz tapak kaki sebesar 10 inci dan gadingnya sepanjang kira-kira tujuh inci.

Beliau berkata, operasi membawa keluar Awang Ketengga berjalan dengan lancar menggunakan dua ekor gajah denak.

Gajah masuk kampung

"Setakat ini sebelas gajah berjaya ditangkap di Kedah iaitu di Sik dan Baling serta tidak menolak kemungkinan masih terdapat gajah liar di kawasan hutan belukar berkenaan kerana menjadi kebiasaan haiwan itu bergerak dalam kumpulan.

"Gajah liar berpindah dari satu tempat ke tempat lain untuk mencari makanan, tetapi apabila kawasan habitatnya dicerobohi akibat projek pertanian atau pembangunan, haiwan itu akan masuk ke kampung," katanya.

Jamalun berkata, kumpulan haiwan liar ini dikesan bergerak dari Hutan Simpanan Uhu Muda dan Gunung Inas selain turut memusnahkan banyak tanaman penduduk seperti pisang, kuinin, durian, kelapa, dokong dan kelapa sawit.

"Ini kali keenam gajah dipindahkan selepas Kampung Bechah Sawa, Siong, Kota Aur di Sik, Kampung Batu 8, Kampung Bukit Hijau dan Tanjung Nering, Kupang.

"Kita akan memindahkan gajah itu ke habitat asal di Konservasi Gajah Tasik Kenyir, Terengganu," katanya.

Sementara itu, penduduk kampung, Tarmizi Che Rus, 52, berkata, ini kali ketiga gajah liar masuk ke kawasan kampung di Mukim Siong, sebelum ini Kampung Bechah Sawa, Batu Lapan dan kini Kampung Seri Ketengga.

"Kebanyakan penduduk bekerja sebagai penoreh untuk menyara keluarga, apabila gajah liar masuk berdekatan kampung secara tidak langsung penduduk tidak berani lagi keluar menoreh," katanya.

> Setakat ini sebelas gajah berjaya ditangkap di Kedah iaitu di Sik dan Baling serta tidak menolak kemungkinan masih terdapat gajah liar di kawasan hutan belukar berkenaan



Jamalun Nasir Ibrahim, Pengarah Jabatan PERHILITAN Kedah